

# Pensyarah UPM diiktiraf

**Serdang:** Lapan pensyarah Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima sijil Certified Green Computing Instructor yang diiktiraf pada peringkat global.

Mereka ialah Prof Madya Dr Lili Nurliyana Abdullah, Dr Azril Hazri Jantan, Dr Lily Suriani Affendy, Dr Iskandar Ishak, Dr Azizol Abdullah, Dr Zyurina Mohd Hanapi, Dr Jamilah Din dan Dr Rozi Nor Haizan Nor.

Dekan fakulti itu, Prof Dr Ramlan Mahmud, berkata pengiktirafan itu membolehkan pensyarah UPM mengajar

**“UPM BERSAMA-SAMA GREEN COMPUTING INITIATIVE AKAN MEMPELOPORI INISIATIF PENGGUNAAN TEKNOLOGI HIJAU”**

kemahiran teknologi maklumat (IT) di seluruh dunia.

Beliau berkata, pengiktirafan itu meningkatkan

kualiti tenaga pengajar UPM dan memupuk perkongsian sektor swasta dan universiti untuk menggalakkan penyelidikan serta perkongsian ilmu.

"UPM bersama-sama Green Computing Initiative akan mempelopori inisiatif penggunaan teknologi hijau dengan pelantikan fakulti ini sebagai Regional Green IT Academy untuk serantau Asia Tenggara.

"Kami juga akan menawarkan satu subjek elektif kepada pelajar UPM dan meningkatkan pendidikan terhadap penggunaan IT teknologi hijau," kata dia dalam majlis penyampaian sijil itu, di sini, baru-baru ini.



Lapan pensyarah UPM terima pengiktirafan Green Computing Instructor.